

Soalan 1-10

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Sufiya memimpin tangan

_____ itu untuk
melintas jalan raya.

- a) Warga lama
- b) Warga kota
- c) Warga silam
- d) Warga emas

2. Mereka membentangkan

_____ tikar di
bawah sebatang pokok besar
di tepi sungai.

- a) sebuah
- b) segulung
- c) sehelai
- d) sebidang

3. Sampah sarap yang terbiar itu
sungguh berbau

_____.

- a) hapak
- b) tengik
- c) busuk
- d) hancing

4. Peribahasa yang sesuai

Zuhair mewarisi kemahiran
bapanya membuat perabot
daripada kayu palet.

dengan pernyataan di atas
adalah:

- a) Bagaimana acuan,
begitulah kuihnya.
- b) Bagai isi dengan kuku.
- c) Seperti katak bawah
tempurung.
- d) Ibarat melepaskan anjing
tersepit

5. Aira berasa _____
apabila terkenang akan kucing
kesayangannya yang hilang.

- a) sedih
- b) gembira
- c) risau
- d) kecewa

6. Angin _____ telah
menerbangkan bumbung
rumah-rumah teres yang
sedang dibina itu.

- a) Lebat
- b) Pantas
- c) Cepat
- d) Kencang

7. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Aida gagal dalam ujian itu kerana dia kurang berusaha.

- a) Bilakah Aida akan menduduki ujian itu?
- b) Mengapakah Aida gagal dalam ujian itu?
- c) Siapakah yang gagal dalam ujian itu?
- d) Berapakah markah ujian Aida?

8. Pilih ayat yang betul.

I Para-para guru sedang bermesyuarat di bilik guru.

II Zahari berjumpa dengan sahabat lamanya kelmarin.

III Kita harus memberi sokongan untuk menjayakan kempen kitar semula.

IV Telefon pintar itu telah dibeli kepada Pak Long Leman.

- a) I dan II
- b) II dan III
- c) III dan IV
- d) II, III dan IV

9. Baju itu dibuat _____ kain sutera yang bermutu tinggi.

- a) dari
- b) dengan
- c) akan
- d) daripada

10. Puan Anida memasukkan pakaian yang kotor ke _____ mesin basuh.

- a) atas
- b) sudut
- c) dalam
- d) sisi

11. Buaian di taman permainan itu tidak digunakan lagi

_____ papannya telah patah.

- a) kerana
- b) kecuali
- c) tetapi
- d) selagi

12. Pihak polis mengarahkan orang ramai supaya bersurai dari tempat perhimpunan itu. Pilih perkataan **sinonim** bagi bersurai.

- a) berlari
- b) beredar
- c) berpisah
- d) bersepah

13. Masalah yang rumit itu berjaya diselesaikan setelah semua pihak bekerjasama menghulurkan pandangan dan bantuan.

*Pilih perkataan **antonim** bagi rumit.*

- a) Ringan
- b) Sukar
- c) Mudah
- d) Sedikit

Soalan 14 dan 15

*Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.*

14. Dina meyakinkan ibunya bahawa dia akan menjaga dirinya sepanjang berada di luar negara.

- a) "Saya yakin ibu boleh menjaga diri di luar negara," kata Dina.
- b) "Ketika di luar negara nanti, ibu jagalah diri," kata Dina.
- c) "Ibu, jagalah diri semasa berada di luar negara nanti," kata Dina.
- d) "Pandailah saya menjaga diri semasa berada di luar negara nanti, ibu," kata Dina.

15. "Saya hanya ada lima ringgit sahaja," kata Faiz kepada Halim.

- a) Faiz meminta lima ringgit daripada Halim.
- b) Faiz dan Halim hanya mendapat lima ringgit sahaja.
- c) Faiz memberitahu Halim bahawa dia hanya mempunyai wang sebanyak lima ringgit sahaja.
- d) Faiz memberikan wang sebanyak lima ringgit kepada Halim.